

21 SEP 2000

Mahathir-Media (Bergambar)

JANGAN ANGGAP ANDA TAHU SEGALANYA, KATA DR MAHATHIR KPD MEDIA ANTARABANGSA

SHAH ALAM, 21 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semasa menyatakan rasa kesalnya bahawa media antarabangsa bersikap terlalu negatif, hari ini berkata mereka patut mengubah diri mereka dan berhenti daripada menganggap yang mereka sahaja yang tahu segalanya kerana ia nyata tidak benar.

"Semoga mereka dapat mengubah diri mereka. Masih ada segelintir yang baik dari kalangan mereka," kata Perdana Menteri semasa merasmikan Konvensyen Antarabangsa Media mengenai Peranan Media di Negara-negara Berkecuali.

Dr Mahathir berkata media antarabangsa patut meneliti semula kualiti mereka dan cuba mempertingkatkan mereka dan melihat melampaui keperluan untuk melariskan dan mencari keuntungan.

"Bagi para wartawan Eropah, belajarlah merendah diri, jangan anggap anda lebih mengetahui daripada bukan kulit putih mengenai bagaimana untuk memerintah negara dan mentadbir keadilan," katanya.

Perdana Menteri juga memberitahu media antarabangsa supaya jangan angkuh dan bersikap perkauman.

Dr Mahathir bercakap dengan panjang lebar mengenai liputan yang diberikan oleh media asing terhadap usaha Malaysia untuk menstabilkan matawang dan ekonominya berikutan krisis di Asia.

Katanya apabila Malaysia melaksanakan rancangannya sendiri untuk memulihkan ekonomi, ia dikutuk habis-habisan oleh akhbar kerana mengenakan kawalan modal.

Beliau berkata tidak satupun akhbar asing yang mahu memahami langkah-langkah yang diambil Malaysia, mengulangi setiap kali dalam laporan mereka bahawa kawalan modal akan menghancurkan ekonomi negara.

Hakikatnya ialah akhbar-akhbar berkenaan tidak tahu langsung apa yang dilakukan Malaysia dan apa yang dimaksudkan dengan kawalan modal berpilih.

"Dan akhbar itu enggan mengambil tahu kerana takut untuk mengakui kesilapannya dan oleh itu ia terus bercakap mengenai kawalan modal dan mendesak untuk tahu bila ia akan ditarik balik," katanya.

Perdana Menteri berkata jauh daripada jangkaan yang ia akan menjejaskan perdagangan saham Malaysia, kawalan selama 12 bulan terhadap modal spekulatif jangka pendek telah menghasilkan pemulihan pasaran saham tertinggi di Asia Timur dengan pasaran saham meningkat daripada 262 kepada hampir 1,000 mata pada satu ketika.

Mereka yang melabur dalam saham termasuk warga asing yang tidak dibenarkan menunaikan pelaburan mereka, membuat keuntungan modal hampir 300 peratus, katanya.

Dr Mahathir berkata apabila ditarik perhatian bahawa pedagang matawang telah menyebabkan menurunnya nilai matawang bagi membolehkan mereka membuat keuntungan, akhbar menyokong mereka dalam menafikan perkara itu.

"Bukannya kerajaan yang menafikannya, akhbar yang berkeras membuat penafian," katanya.

Katanya walaupun pertubuhan kewangan antarabangsa dan pedagang matawang terkemuka sendiri mengakui bahawa pedagang matawang yang bertanggungjawab, akhbar masih belum bersedia untuk berbuat demikian.

Dr Mahathir berkata jika akhbar boleh melakukan kajian dan mendengar pendapat orang lain, mereka dapat memberi sumbangan besar kepada dunia dan membantu memulihkan ekonomi keseluruhannya hanya dengan mendedahkan kebenaran.

Beliau juga berkata kerajaan tidak patut mengawal media kerana ia salah dari segi moral dan akhbar yang bebas adalah tempat bagi sesiapa pun melahirkan pendapat mereka.

"Sesiapa pun patut mempunyai hak ini. Selagi pendapat itu sensitif

terhadap kepentingan masyarakat tertentu, selagi ia bebas daripada hasutan, ia patut disiarkan," katanya.

Dr Mahathir berkata laporan mengenai sesuatu peristiwa haruslah berdasarkan fakta dan laporan mengenai fakta hendaklah tidak berat sebelah.

Beliau berkata: "Adalah tidak betul bagi laporan mengenai Malaysia disertakan dengan "di mana media ditapis". Tetapi adalah betul untuk membuat laporan berfakta mengenai penapisan terhadap akhbar di Malaysia dengan memberikan bukti yang benar mengenainya."

Perdana Menteri juga berkata tanggungjawab adalah sesuatu yang akhbar harus amalkan pada diri mereka, dengan mengambil kira faedahnya terhadap hubungan masyarakat, negara dan antarabangsa.

"Perasaan tanggungjawab yang tinggi dapat membantu menentukan pilihan antara keperluan untuk mendedahkan (rahsia) dan keperluan untuk memelihara rahsia," katanya.

Dr Mahathir berkata akhbar sememangnya berpengaruh kerana ia boleh merangsang dan memberi semangat kepada masyarakat serta membina nilai-nilai yang boleh menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan.

"Ia boleh menggalakkan kebenaran dan menghapuskan pembohongan. Ia juga pastinya boleh mendedahkan penyelewengan apabila secara hakikatnya kesalahan memang dilakukan. Tetapi ia tidak harus mempunyai agenda sendiri kerana jika ada, laporannya akan menjadi berat sebelah dan kebenaran diketepikan," katanya.

Konvensyen dua hari itu dianjurkan oleh Pertubuhan Pelajar dan Belia Berkecuali (Nasyo) Pusat Serantau Asia Timur, Persatuan Wartawan Melayu dan kerajaan negeri Selangor.

Acara yang dihadiri kira-kira 400 pengamal media tempatan dan asing itu akan membentangkan tujuh kertas kerja mengenai peranan media di negara-negara berkecuali.

-- BERNAMA

MAM MOT ES RON